

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1991/92

April 1992

CSK 302 - Sistem Maklumat

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab **SEMUA** soalan.
  - Semua soalan mestilah dijawab di dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Huraikan secara ringkas tentang perkembangan evolusi MIS. (20/100)
- (b) Terangkan singkatan-singkatan berikut dan output-outputnya.  
 (i) IRS  
 (ii) TPS  
 (ii) ESS (25/100)
- (c) Bagaimanakah konsep IRM dipraktikkan di dalam sesebuah organisasi. Jelaskan dan berikan contoh yang sesuai. (25/100)
- (d) Senaraikan isu-isu perlakuan organisasi yang mempengaruhi MIS dan jelaskan **dua** daripada isu-isu tersebut. (30/100)
2. (a) Berikan keterangan ringkas tentang **tiga** daripada butir-butir berikut:  
 (i) perancangan strategik  
 (ii) perancangan operasi  
 (iii) perancangan muatan  
 (iv) perancangan kontingensi (25/100)
- (b) Senaraikan fasa-fasa di dalam proses pembuatan keputusan **dan** jelaskan dengan ringkas langkah-langkah untuk membuat sesuatu keputusan. (25/100)
- (c) Seorang penjaga di pesta sarkas telah diberikan arahan seperti berikut:
- jika penonton di bawah tiga tahun, masuk adalah percuma
  - jika penonton di bawah 16 tahun, masuk adalah setengah bayaran dan bayaran ini dikurangkan kepada suku jika penonton datang bersama ibubapa (dan umur di bawah 12 tahun)
  - penonton di antara 16 hingga 18 tahun, setengah bayaran dikenakan jika penonton adalah penuntut; jika sebaliknya bayaran penuh dikenakan
  - penonton yang berumur lebih 18 tahun, bayaran penuh dikenakan
  - diskaun sebanyak 10% diberikan kepada penonton lebih dari 16 tahun jika mereka datang berkumpulan (10 atau lebih orang)
- Lakarkan pohon keputusan untuk menggambarkan proses keputusan di atas. (30/100)

- (d) Proses pengoptimuman aktiviti-aktiviti di dalam perancangan operasi MIS adalah satu langkah yang penting. Terangkan secara ringkas proses pengoptimuman ini dan berikan contoh-contoh kriteria yang anda pilih.

(20/100)

3. (a) Anda telah ditugaskan untuk memilih seorang juruanalisis sistem bagi jabatan MIS sebuah syarikat XYZ.

(i) Senaraikan kriteria-kriteria dan kemahiran calon yang anda fikir sesuai untuk menjawat jawatan ini.

(ii) Jelaskan peranan seorang juruanalisis sistem di dalam jabatan MIS.

(30/100)

- (b) (i) Apakah sumber-sumber maklumat sesuatu sistem? Huraikan secara ringkas sumber-sumber ini.

(ii) Strategi pencarian maklumat perlu dibangunkan sebelum proses pengumpulan maklumat dapat dijalankan. Nyatakan bagaimana strategi pencarian maklumat dapat dibangunkan.

(25/100)

- (c) Berdasarkan kepada perkembangan teknologi maklumat pada hari ini, bincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengurus MIS.

(25/100)

- (d) Kaedah berstruktur mencadangkan suatu sistem dibahagi-bahagikan kepada modul-modul supaya sistem mudah difahami dan diubahsuai. Bincangkan.

(20/100)

4. (a) Sebuah kedai runcit mempunyai sokongan dalam bentuk perakaunan, pembelian, pembayaran dan inventori pada masa kini. Pilih salah satu dari alat perancangan MIS untuk membantu kedai ini bersaing dengan organisasi perniagaan lain dan jelaskan secara ringkas apa yang perlu dilakukan untuk mencapai tahap ini.

(25/100)

- (b) Alat CASE adalah perisian yang mengautomasikan tugas-tugas di dalam kitar hayat sistem. Bincangkan masalah-masalah yang mungkin dihadapi pada masa hadapan jika banyak jabatan-jabatan MIS menggunakannya.

(25/100)

- (c) Sistem Maklumat Perakaunan adalah salah satu sistem maklumat yang berguna kepada sesebuah organisasi. Jelaskan secara ringkas mana-mana dua subsistem yang boleh didapati di dalam sistem ini.

(25/100)

- (d) Jenayah komputer adalah satu bidang yang susah dikendalikan oleh sistem perundangan. Bincangkan.

(25/100)

- oooOooo -